

# Alam Islam

## Mali Dalam Sejarah

### “Mali” Negeri Islam yang Bersejarah Gemilang

Tatkala kerajaan raja-raja al-Murabitoun (di Afrika Utara) mulai runtuh, kita dapati kerajaan “Sosso” di “Kaniaga,” mengambil kesempatan itu lalu menguatkan dirinya. Akhirnya dapatlah ia menguasai sebahagian besar dari Empayar Gana (Ghana) - di Afrika Barat - pada tahun 1203M. Kejadian ini menjadikan orang-orang Islam dalam daerah Gana berpindah lalu mendirikan pusat perniagaan mereka di bandar “Wilatah”. Kerajaan Sosso ini telah bertambah besar dalam zaman pemerintahan Raja “Soumaoro” (1207M.)

Akan kerajaan itu dikuasai oleh raja penyembah berhala, maka tidak pelik kalau ia bermati-mati menahan kemaraan Islam. Sebagaimana negeri Gana dahulu telah menentang raja-raja Islam dari keluarga “al-Murabitoun” daripada mara ke selatan maka demikian halnya kerajaan Sosso mengadakan tentangan hebat terhadap Islam.

Tetapi keadaan yang demikian tidak berpanjangan, kerana telah timbul satu tenaga baharu di selatan dari kerajaan “Kaniaga”. Tenaga baharu ini ialah suku “Mandangu” di daerah “Kanjaba” yang telah memeluk agama Islam dalam kurun yang ketiga belas (Masihi).

Suku “Mandangu” ini ialah juga yang bernama suku “Malit” menurut bahasa “Barbar”. Dalam bahasa Husu pula disebut “Wanjara”, dan dalam bahasa Arab sebut “Malil”, manakala orang Mesir pula menamakannya Tekrur. (Orang Arab di Mekah menyebutnya “Tekruni”).

Mereka juga terkenal dengan nama “Mali” (menurut bahasa Filani) dengan nama inilah negeri mereka terkenal ke dunia luar. Negara “Mali” hari ini sedang meningkat maju dengan pemimpin “Modiebo Keita” (Muhammad al-Mu’dib Keita) ketua pemerintahan negeri Islam yang baharu merdeka dalam daerah Afrika barat itu.

Negara ini telah mulai terkenal tatkala pemerintahannya dipegang oleh raja “Sandina” dalam tahun 628H (1230M). Ia telah berjaya mengalahkan raja “Soumaoro” (raja negeri Kaniaga) yang berjiran dengannya. Dengan kejatuhan raja yang tersebut menjadikan “Mali” sebuah negeri yang kuat sekali di Afrika Barat.

Kedudukan Mali makin bertambah kuat apabila ia dapat menyatukan daerah Wanjara dalam pemerintahannya. Wanjara sebuah daerah yang kaya dengan lombong-lombong emas.

Dalam kurun yang ketiga belas (Masihi, Islam) telah berkembang di Mali. Orang-orang Islam di Mali tidak berpada dengan Islam sebagai lambang pada zahirnya sahaja tetapi mereka menjadikannya satu kekuatan rohani yang memberi semangat dan tenaga untuk menjalar ke daerah-daerah yang berjiran sehingga daerah-daerah itu mencapai kemajuan. Sebagaimana yang dapat dicapai oleh negara “Mali” sendiri.

Mereka bersungguh-sungguh mengembangkan Islam dan



Pejabat besar *post* di Algeria.

mendalami isinya sehingga nampak kesannya yang besar dalam zaman raja “Mansa‘ala” yang telah menggantikan kerajaan ayahandanya, raja “Sandiana” yang telah mangkat pada tahun 653H (1255M.). Dan kemajuan Islam terus - menerus di Mali dalam zaman pemerintahan tujuh raja yang memerintah di situ kemudian daripadanya.

Raja-raja “Mali” telah mengikat tali silaturahmi dengan negeri-negeri Islam yang lain. Musim-musim haji merupakan musim rombongan rasmi yang dikirim oleh raja-raja yang tersebut. Rombongan-rombongan sekembalinya dari Makkah dan negeri-negeri Islam lainnya akan membawa bersama pandangan baharu dan pengetahuan baharu yang kemudiannya dijalankan di negeri-negeri Mali untuk memperteguhkan Islam.

Mesir sentiasa mengalu-alukan perutusan raja-raja Mali, yang selalu berutus-utus surat dengan raja-raja Mesir. Sangatlah gembiranya, “al-Zahir Baibars” (Raja Mesir) tatkala menerima surat bahawa angkatan Raja Mali, “Mansa‘ala” akan tiba di Kaherah dalam perjalanan ke Tanah Suci pada musim haji. Angkatan Raja Mali itu telah disambut dengan meriahnya di Mesir.

Ahli sejarah pernah mencatatkan tentang meriahnya sambutan angkatan raja Mali “Mansa Musa” di Mesir dalam zaman pemerintahan “al-Nasir Muhammad” raja Mesir. Kedua-dua raja itu telah bertukar hadiah dan telah mengikat perjanjian kebudayaan di antara dua buah negeri Islam itu.



Pahlawan-pahlawan Algeria yang paling awal berjuang merebut kemerdekaan, berbaris di hadapan sekali dalam perarakan menyambut Hari Kemerdekaan Algeria.